

19/04/2002

Majlis Peguam sokong hukuman lebih berat pesalah sumbang mahram

KUALA LUMPUR, Khamis - Kesediaan kerajaan meningkatkan hukuman bagi kesalahan rogol dan sumbang mahram disifatkan tindakan yang tepat pada masanya untuk membendung perbuatan terkutuk itu yang semakin meningkat akhir-akhir ini.

Presiden Majlis Peguam Malaysia (MPM), Mah Weng Kwai, berkata tindakan memperkenalkan hukuman lebih berat bagi kes rogol dan sumbang mahram yang membabitkan kanak-kanak bawah umur dapat membanteras penularan gejala itu.

"Hukuman lebih berat menggunakan undang-undang berasingan jika kesalahan dilakukan terhadap kanak-kanak bawah umur juga wajar dipertimbangkan kerana ia membabitkan masa depan mangsa yang terpaksa menanggung tekanan perasaan sepanjang hidupnya.

"Hukuman sedia ada bagi kesalahan rogol digubal bagi kes membabitkan mangsa dewasa dan ternyata tidak setimpal untuk pesalah dalam kes rogol membabitkan mangsa bawah umur," katanya.

Semalam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata kerajaan bercadang memansuhkan hukuman minimum penjara dan sebatan bagi kesalahan rogol serta sumbang mahram bagi membolehkan mahkamah menjatuhkan hukuman lebih berat sehingga ke had maksimum tanpa terikat dengan pilihan hukuman minimum.

Kini, kesalahan rogol boleh dikenakan hukuman penjara minimum lima tahun dan maksimum tidak lebih 20 tahun serta sebat mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan, manakala Seksyen 376A memperuntukkan hukuman penjara minimum enam tahun dan tidak lebih 20 tahun serta minimum enam sebatan sehingga 24 sebatan bagi sumbang mahram.

Rais berkata, biasanya mahkamah tidak memberi penekanan kepada hukuman maksimum kerana hakim mempunyai pilihan menjatuhkan hukuman penjara antara enam hingga 20 tahun mengikut Seksyen 376A manakala hukuman sebat pula bergantung kepada tahap kesihatan pesalah.

Katanya, saranan pelbagai pihak termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Ahad lalu supaya pesalah sumbang mahram disebat di khalayak ramai kerana jenayah itu dianggap perbuatan keji, turut dikaji.

Kabinet sebelum ini mengarahkan kajian dibuat bagi melaksanakan hukuman lebih berat terhadap pesalah kes rogol kanak-kanak dan sumbang mahram berikutan saranan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kerana jenayah itu tidak wajar dimaafkan atau dibenarkan membuat rayuan supaya hukuman diringankan.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Kebangsaan DAP, Karpal Singh, turut mengalu-alukan usaha Jabatan Peguam Negara (JPN) memastikan hukuman lebih berat untuk kesalahan rogol dan subang mahram.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan mahkamah jangan terlalu ghairah menjatuhkan hukuman berikutan liputan meluas akhbar tempatan mengenai peningkatan kes rogol dan sumbang mahram.

Dalam satu kenyataan hari ini, Karpal berkata arahan Peguam Negara, Datuk Abdul Gani Patail supaya pegawai pendakwa berusaha mendapatkan hukuman lebih berat bagi kesalahan itu, adalah satu tindakan proaktif yang berkesan bagi membendung perbuatan keji itu.

Beliau juga memetik kata-kata bekas Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Shaik Daud bahawa pada kebiasaannya, kes rogol sukar dibuktikan, terutama jika mangsa adalah kanak-kanak bawah umur.

"Proses pengadilan juga perlu dilakukan dengan teliti bagi memastikan seseorang yang tidak bersalah menjadi mangsa kerana difitnah pihak

tertentu," katanya.

(END)